

17 OCT 1999

Mahathir-F1

SUKAN BERMOTOR BERI HASIL SAMPINGAN KEPADA GOLONGAN MISKIN

SEPANG, 17 Okt (Bernama) -- Penganjuran kejohanan lumba kereta Formula One (F1) yang berakhir hari ini turut mendatangkan hasil sampingan secara tidak langsung kepada golongan miskin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata apa juga yang menolong membangunkan negara akan memberikan hasil sampingan yang berguna kepada golongan miskin terutamanya daripada segi pelaburan dan pelancongan.

"Kita dapati dulu Malaysia tidak dikenali...tetapi dengan adanya sukan bermotor ini terutamanya F1 sekarang dunia tahu di mana Malaysia dan kita dapati minat mereka untuk datang ke negara ini semakin bertambah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Grand Prix Malaysia Petronas di Litar F1 Sepang, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, pendedahan Malaysia melalui cara ini kepada dunia lebih berharga daripada pelaburan iklan yang memakan belanja beratus-ratus juta.

"Beberapa jam yang kita ada hari ini sebelum perlumbaan dan semasa perlumbaan ditayangkan adalah Malaysia dan mereka dapat melihat The Right Formula Malaysia, Petronas Malaysia, bendera Malaysia. Jadi ini memperkenalkan negara kita kepada orang asing," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengurus pasukan Jordan Mugen-Honda Eddie Jordan menyatakan kekagumannya terhadap Malaysia kepada beliau dan melahirkan kekesalannya mengenai laporan buruk tentang negara ini oleh wartawan asing.

"Jordan kata kenapa dia tak dengar langsung benda yang baik berkenaan dengan Malaysia sedangkan semasa dia berada di sini dia tidak nampak langsung apa yang tidak baik, semuanya baik," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri tidak bermimpi untuk melihat perlumbaan F1 di Malaysia, jauh sekali mendapat pujian daripada pelbagai pihak dalam sukan bermotor, daripada pelumba, pengurus pasukan sehingga pegawai Persekutuan Permotoran Antarabangsa (FIA).

"Saya bersyukur kerana perlumbaan ini berjalan dengan begitu baik dan tidak ada apa-apa yang tidak diinginkan berlaku. Kesemua yang saya temui berpuas hati dengan penganjuran di sini. Jadi saya rasa puas hati dan mengucapkan tahniah kepada semua yang terbabit," katanya.

Beliau berkata, pengalaman yang ditimba hasil penganjuran kejohanan ini seharusnya digunakan untuk merancang dan menyelenggarakan mana-mana perlumbaan seterusnya dengan cara yang lebih baik.

Dr Mahathir juga berkata disiplin yang dipraktikkan oleh pelumba-pelumba profesional seperti F1 harus diteladani atlet negara dalam usaha mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

"Saya dapati mereka seperti Schumacher (Michael) dan Hakkinen (Mika) begitu disiplin sekali. Sebab itulah mereka boleh menang. Kita bila dah menang sikit dah hilang disiplin," katanya.

Beliau berkata, bangsa yang tidak berdisiplin tidak mungkin akan berjaya.

Dr Mahathir menasihati golongan muda terutamanya agar belajar memahami tentang pentingnya disiplin.

"Kerajaan boleh buat apa saja, trek ini dan sebagainya tetapi kalau tidak ada disiplin, sorrylah," katanya.

Dr Mahathir berkata, selepas kejohanan F1 ini, aktiviti di litar itu akan dipertingkatkan dengan pelbagai bentuk sukan permotoran seperti go-kart dan perlumbaan kereta 4x4 kerana ia bukan sahaja dibina untuk F1.

-- BERNAMA  
HRS AKD